



TIMBANG BURUK BAIK TPPA

MUKADIMAH

MALAYSIA tidak memerlukan kelulusan Parlimen sebelum tandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang melibatkan 11 negara lain iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, dan Vietnam, selain Amerika Syarikat (AS). Namun, memandangkan isu tersebut begitu kontroversi dan mendapat perhatian ramai, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, maka Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memutuskan membawa perkara itu ke Parlimen untuk dibentangkan,

dibahaskan sebelum dijalankan pengundian sama ada bersetuju atau menolak perjanjian dagangan terbesar dunia itu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, **DATUK SERI MUSTAPA MOHAMED** ketika diwawancara selama sejam oleh wartawan *Mingguan Malaysia*, **HAFIZAHRI HAMID, AMIZUL TUNIZAR AHMAD TERMIZI** dan **ZUNAIDAH ZAINON** bersama jurugambar **JEFFRI IRAN** di pejabat beliau di Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur Khamis lalu. Dalam pertemuan itu, beliau turut menjawab

pelbagai dakwaan yang dilontarkan oleh pihak-pihak yang membantah perjanjian TPPA termasuk kedudukan syarikat bumiputera dalam tender pemerolehan kerajaan, harga ubat-ubatan generik, sijil halal, kesediaan syarikat tempatan bersaing dengan syarikat multinasional asing dan apakah perjanjian ini akan merugikan negara.

"Kita jangan tengok orang "makan" kita. Petronas, Khazanah, dan Sime Darby duk "makan" di luar negara. UE ada di Melbourne, Australia. Tan Chong Motor Holdings, Berjaya dan Parkson ada di Vietnam. "Makanlah" itu. Kita perlu tengok kedua-dua belah atau situasi menang-menang bagi semua," ujar beliau.

MINGGUAN: Banyak pihak mempersoalkan tentang cara rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dijalankan kerana butiran tidak dimaklumkan kepada Parlimen atau umum. Komen Datuk Seri?

MUSTAPA: Perkara ini tidak keluar kerana ia berubah setiap hari. Kalau keluar, nanti kecoh seluruh dunia. Baru hendak bincang, sudah berubah. Macam di Atlanta, Amerika Syarikat (AS), ia sudah berubah kerana di saat-saat akhir macam-macam perkara berlaku. Dokumen ini kita jangka siap pada hujung bulan ini, ada juga bulan hadapan. Kita beri kepada pasukan pengkaji kerana perlu tengok dahulu. Kalau tidak ada dokumen, ia sekadar spekulasi atau rambang sahaja.

Ini belum siap lagi kerana rundingan belum selesai. Secara keseluruhannya, sudah hampir selesai tetapi ada tiga isu yang perlu kita maklumkan balik kepada 11 buah negara. Kita sudah beritahu pendirian kita dan ada draf kita, tetapi tertakluk kepada persetujuan kita sendiri.

Dalam dua tahun ini, kita sudah beritahu pendirian kita, secara umumlah dan bukan secara terperinci. Macam soal bumiputera, kita beritahu pendirian kerajaan begini. Tentang tekstil AS dan alam sekitar pun kita beritahu tetapi secara umum. Sebab perkara itu belum selesai lagi. Kita sentiasa maklumkan perkembangan terkini kepada ahli Parlimen tetapi tidak secara terperinci. Itupun belum 100 peratus (muktamad) sebab sudah keluar dokumen nanti barulah 100 peratus.

Apakah tiga isu yang masih belum selesai itu?

MUSTAPA: Tiga isu yang kita minta tempoh itu antaranya melibatkan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) dan Kementerian Kewangan. Kita minta tempoh kerana Khazanah dan Petronas ada peraturan. Kalau hendak buat sesuatu, mereka perlu bawa ke lembaga pengarah. Itu pun belum selesai lagi, jadi kita minta tempoh. Kita jangka ia akan dimuktamadkan dalam tempoh terdekat.

Kalau kita beri kepada Price Waterhouse Coopers (PWC) yang buat kajian tetapi perkara itu belum selesai, tidak ada maknalah. Jadi, sebaik-baik sahaja dokumen itu lengkap, maka kita akan beri kepada Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (ISIS) dan PWC.

Memang sukarlah. Inilah dalam hidup saya terlibat dalam satu projek begitu lama iaitu lima tahun. Kedua, banyak tekanan seperti jumpa banyak orang, media, media sosial, individu dan organisasi.

Pada pandangan Datuk Seri, kenapa TPPA mencetuskan banyak bantahan dan kontroversi?

MUSTAPA: TPPA menjadi kontroversi kerana ia lebih. Kalau dahulu, barangan, perkhidmatan

dan pelaburan. Tetapi sekarang ada pemerolehan kerajaan, buruh, alam sekitar dan hak harta intelek (IPR). Macam IPR ini sudah ada tetapi dalam perjanjian dagangan, ini adalah antara yang utama. Ia kontroversi kerana liputan lebih luas. Tetapi pandangan mengatakan, perjanjian dagangan ini akan meliputi benda-benda lebih besar lagi.

Dalam ASEAN pun, unsur-unsur TPPA pun ada masuk. Sepuluh negara ASEAN dengan enam buah negara iaitu Jepun, Korea Selatan, China, India, Australia dan New Zealand. Antaranya, isu buruh. Kalau amalan buruh itu dilihat sebagai menekan buruh, maka syarikat-syarikat besar tidak akan beli barangan daripada sesuatu negara. Sebelum membeli barangan, syarikat ini juga akan pergi memeriksa apakah ia menepati standard amalan buruh.

Kalau kita hendak jadi sebahagian daripada perdagangan antarabangsa, kita perlu ikut standard antarabangsa. Umpamanya beberapa syarikat di Bangladesh dikenakan sekatan sampai sekarang sebab standard amalan buruhnya rendah. Apabila standardnya rendah, mereka boleh hasilkan pada kos murah. Jadi, tidak adil kepada orang lain yang mempunyai kos yang mahal disebabkan perlu mematuhi pelbagai peraturan seperti alam sekitar.

Kita lihat isu Volkswagen. Syarikat itu didapati menipu dalam emisi karbon dan mereka pun sudah mengaku. Walaupun Volkswagen adalah syarikat gergasi dunia, mereka terpaksa memakai standard AS. Ekoran isu itu, harga saham Volkswagen jatuh 40 peratus. Contoh ini menunjukkan bagaimana standard alam sekitar terpaksa kita pakai.

Jadi, isu standard ini isu yang semakin penting. Dalam standard buruh, kita perlu ikut peraturan AS sebab kita hendak jual barang seperti kelapa sawit, getah dan elektronik.

Melainkan kita tidak mahu pelaburan AS dan berdagang dengan AS, bolehlah kata tidak mahu ikut peraturan AS. Tetapi hakikatnya, AS merupakan pelabur kedua terbesar selepas Jepun di negara kita. Jadi, kalau kita hendak pelaburan AS, terpaksa kita ikut peraturan negara itu. Pelaburan AS sudah ada di Pulau Pinang, Johor, Kulim dan Shah Alam.

Dari segi kesatuan pekerja pun, apa salah kita layan pekerja dengan baik. Apa salahnya umpamanya kalau kita jaga Cameron Highland. Ini termasuk menjaga alam sekitar. TPPA juga bercakap tentang ketelusan. Apa salahnya kalau perkara itu baik.

Apakah perkara-perkara dalam Perlembagaan seperti Artikel 153 tentang hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera serta kedudukan agama Islam akan tergugat sekiranya Malaysia menyertai TPPA?

MUSTAPA: Kita ada Perlembagaan dan dasar bumiputera. Kita akan pertahankan. Bukanlah sampai kita

Jangan ingat hanya orang lain besar. Syarikat kita seperti Petronas pun besar. Orang lain pun fikir macam itu terhadap kita. Kita kena keluar daripada kepompong dan lihat situasi menang-menang. Sebab itu Sabah dan Sarawak masuk Malaysia. Ini bagus untuk kita jadi makin besar. Kita lihat gambaran lebih besar.

hilang kedudukan Islam sebagai agama rasmi atau bukan bermakna kita boleh benarkan perkahwinan sejenis. Walau apa pun kita buat, mesti berdasarkan Perlembagaan. Kita juga teruskan dasar 30 peratus bumiputera dalam pemerolehan kerajaan.

Itu penting dan kalau tidak, kita tidak masuk TPPA dan mereka semua terima. Di negara lain tidak ada. Kalau syarikat kita hendak berniaga di Vietnam, negara itu tidak ada dasar bumiputera. Jadi, mereka faham dan terima dasar bumiputera dalam pemerolehan kerajaan dipertahankan. Cuma, kita hendak pastikan ia benar-benar diterima. Selain itu, dasar kereta kita tidak diganggu dan diteruskan.

Antara isu yang dibangkitkan ialah tentang soal keselamatan makanan negara. Ada dakwaan mengatakan industri beras tempatan akan terancam kerana beras import dari AS akan lebih murah dengan penghapusan duti import?

MUSTAPA: Kita boleh teruskan dasar kita. Sekarang ini duit import beras sebanyak 40 peratus, sudah kita mansuhkan. Dalam TPPA, kita dikehendaki menurunkan duti import beras tetapi sekarang sudah kosong peratus.

Kita sudah mansuhkan duti import untuk menjaga harga beras tempatan. Kita ada monopoli beras oleh Padi Beras Nasional Berhad (Bernas). Jadi, dalam beras dan padi, kita teruskan dasar beras yang ada dengan Bernas dan tidak diganggu.

Sebab itu, saya rasa kita telah buat yang terbaik dan kita dapat pertahankan beberapa dasar kita. TPPA hendak kita turunkan duti import beras perlahan-lahan kepada kosong. Kita hendak beritahu, sekarang ini pun sudah kosong, tidak ada duti import.

Bagaimana pula kedudukan piawaian sijil halal yang dikeluarkan oleh Malaysia. Apakah selepas menyertai TPPA, kita perlu tunduk kepada piawaian yang ditetapkan oleh AS?

MUSTAPA: Halal diiktiraf sebagai pengiktirafan Malaysia dan mengikut piawaian kita. Itu dari awal lagi rundingan, perkara pertama saya selesaikan adalah halal. Bukan halal AS atau Vietnam tetapi kita teruskan menggunakan sijil halal kita.

TPPA dikatakan menggugat kedaulatan undang-undang negara kerana Malaysia boleh disaman berbilion dolar AS jika mengadakan peraturan baharu yang boleh menjejaskan jangkaan keuntungan syarikat-syarikat gergasi dari AS selepas termeterainya TPPA.

MUSTAPA: TPPA ini antaranya tentang saingan, alam sekitar dan perlindungan hidupan liar. Sesetengahnya tidak ada masalah. Apa salahnya kita jaga alam sekitar dan hidupan liar. Kalau kita pinda undang-undang yang memberikan kebaikan kepada buruh misalnya, kenapa tidak boleh. Kalau soal kedudukan bumiputera, Islam dan semua itu, tidak berbangkit sebab kita pertahankan dan sudah jaga.

Satu lagi tuduhan ialah TPPA ini merugikan negara dan hanya menguntungkan syarikat-syarikat gergasi multinasional dan transnasional terutamanya dari AS yang dikatakan akan "menelan" syarikat-syarikat kecil yang ada di negara ini.

MUSTAPA: Syarikat besar sudah ada di negara ini. Syarikat-syarikat gergasi ini sudah bertapak lama di Malaysia seperti di Pulau Pinang dan Shah Alam. Ini bukan benda baharu. Ada kilang First Solar yang terbesar di Kulim dan ada kilang Western Digital di Pulau Pinang. Kalau hendak kata TPPA ini hendak "makan" kita, sudah 40 tahun syarikat-syarikat gergasi ada di Malaysia.

Memang dasar kita tentang perolehan bumiputera sudah ditetapkan. Yang syarikat multinasional ini, itulah kebimbangannya tetapi jawapannya sudah ada di sini. Kita pun hendak mereka kerana peluang pekerjaan dan sebagainya. Macam kita sekarang ini, kita hendak seimbangkan. Dalam pengilangan, jumlah pelaburan langsung asing (FDI) adalah 60 peratus manakala domestik sebanyak 40 peratus.

Domestik ini seperti Kumpulan Berjaya dan Kumpulan YTL banyak buat pasar raya dan hartanah. Dalam sektor pengilangan, pelaburan sebahagian besar disumbangkan oleh pelabur asing. Yang pertama adalah Jepun dan kedua, AS. Kena ingat Jepun pun ada dalam TPPA. Kalau hendak kata mereka "makan", mereka sudah lama "makan". Bukan kata mereka "makan", tetapi tugas saya menarik mereka datang melabur ke sini bagi memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat.

TPPA dikatakan bakal menyebabkan kenaikan harga ubat-ubatan sehingga 80 peratus kerana syarat ketat akan dikenakan kepada pengeluar ubat generik. Tindakan ini dibuat bagi menjaga kepentingan syarikat dari AS selaku pengeluar ubat-ubatan terbesar di dunia.

MUSTAPA: Dalam hal ini ada dua

perkara. Yang pertama perlindungan paten dan dasar ini tidak berubah iaitu 20 tahun. Ada orang kata TPPA akan menambah lagi, tidak ada. Dasar kita sekarang ini 20 tahun dan akan terus 20 tahun sama ada ada TPPA atau tidak.

Yang kedua, ubat ini ada dua jenis iaitu berasaskan kimia dan biologi. Jadi, ubat yang biasa berasaskan kepada kimia. Itu dasar paten kita tidak ubah, tetapi kekal 20 tahun. Perlindungan 20 tahun itu dasar semasa. Bukan kita naikkan sampai 30 tahun selepas TPPA.

Satu lagi dipanggil konvensional. Sekarang kita beri lima tahun perlindungan di bawah data eksklusif tetapi perlindungan paten masih 20 tahun. Maknanya, data ini tidak boleh diberikan kepada orang lain (generik) selama lima tahun. Itu dasar kita. Jadi, tidak ada perubahan dalam dasar dan kita pertahankan. Bukan hanya Malaysia tetapi enam buah negara.

AS memang hendak tempoh ini dipanjangkan kerana mereka adalah pengeluar utama ubat. Jadi, hendak lagi lama lagi bagus. Tetapi enam buah negara pertahankan. Maknanya, dasar kita tidak berubah dari segi paten dan data eksklusif.

Kalau kita tidak masuk TPPA, tidak semestinya harga akan turun atau stabil dan tidak semesti harga akan naik juga. Ubat generik ini benda sensitif dan amat penting bagi kita semua. Kita lawan habis-habisan. Memang syarikat-syarikat besar hendak ditambahkannya tempoh tetapi dasar perlindungan paten kita tidak berubah.

Jadi, masuk atau tidak masuk TPPA pun, dasar kita tidak berubah.

Bagaimana kesediaan syarikat-syarikat tempatan untuk bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi dari luar negara sekiranya TPPA dimeterai kelak?

MUSTAPA: Sekarang ini, syarikat Malaysia yang melabur di luar negara mempunyai nilai pelaburan sebanyak RM522 bilion. Duit orang luar melabur dalam kilang-kilang dalam negara adalah sebanyak RM470 bilion.

Maknanya, kita jangan tengok orang "makan" kita. Petronas, Khazanah, dan Sime Darby duk "makan" di luar negara. UE ada di Melbourne, Australia. Tan Chong Motor Holdings, Berjaya dan Parkson ada di Vietnam. "Makanlah" itu. Kita perlu tengok kedua-dua belah atau situasi menang-menang bagi semua. Kalau kita berpakat dan harmoni, kita boleh buat lebih lagi.

Dahulu kita pelabur kecil tetapi sekarang syarikat kita ada banyak pelaburan besar di luar negara. Jadi, jangan ingat hanya AS akan "makan" kita. Jangan ingat hanya orang lain besar. Syarikat kita seperti Petronas pun besar. Orang lain pun fikir macam itu terhadap kita. Kita kena keluar daripada kepompong dan lihat situasi menang-menang. Sebab itu Sabah dan Sarawak masuk Malaysia. Ini bagus untuk kita jadi makin besar. Kita lihat gambaran lebih besar.

Negara-negara yang menyertai rundingan TPPA mengeluarkan 40

peratus jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dan ini merupakan perjanjian dagangan terbesar dunia. Apakah ini menunjukkan penyertaan dalam TPPA memberikan kebaikan kepada negara?

MUSTAPA: Saya hendak tekankan sekali lagi, bukan semuanya bagus. TPPA pun ada banyak buruk tetapi kita seimbangkan. Ada buruk ada baik. Kalau baik lebih banyak daripada buruk, kalau kita tidak buat, rugilah kita.

Saya hendak rakyat Malaysia berlaku adil. TPPA ada baik dan buruk dan kita. Kemudian kita bawa pergi ke Parlimen untuk dipertimbangkan. Jangan kita perlekehkan ahli Parlimen dengan pelbagai tuduhan seperti kena cucuk hidung dan sebagainya.

Apabila dibentangkan dokumen TPPA di Parlimen nanti, apakah kerajaan masih boleh meminda butiran yang telah dipersetujui dalam rundingan perjanjian itu?

MUSTAPA: Secara keseluruhan. Maknanya, sama ada mahu atau tidak. Kita buat pertimbangan. Misalnya, tekstil dan kelapa sawit dapat masuk pasaran. Kita undi mahu atau tidak sahaja. Kalau tolak, maka tolak semualah.

Kalau pinda, kita perlu ubah semua, sebab rundingan ini melibatkan 12 buah negara. Umpamanya kalau kita pinda, negara lain pun terlibat dan semua kena pinda. Maknanya, kita kena mula dari awal balikkah.

Andai kata majoriti ahli Parlimen menolak dan Malaysia tidak menyertai TPPA, apakah ini akan memberikan kesan kepada negara kita?

MUSTAPA: Kesannya, pelabur tidak mari. Mungkin pelabur-pelabur yang ada dalam negara cabut lari dan akan memberikan kesan kepada syarikat-syarikat kita yang banyak melabur di luar negara.

Negara-negara lain yang terlibat dalam rundingan TPPA juga dikatakan tidak bersetuju dengan beberapa perkara. Apakah perkara-perkara itu?

MUSTAPA: Di Jepun, Perdana Menteri, Shinzo Abe dan partinya, Demokratik Liberal (LDP) menyokong TPPA. Mengikut kefahaman saya, peringkat awal, orang politik LDP sokong tetapi petani ramai tidak sokong, namun keresahan itu sudah reda sedikit. Cabaran utama Jepun ialah pertanian dan kedua, negara itu mahu pasaran untuk kereta negara itu bertambah baik.

Di New Zealand, negara itu kecil dan eksport utamanya adalah susu. Orang New Zealand amat tidak berpuas hati kerana mereka melihat mereka tidak mendapat akses yang baik untuk tenusu. Mereka sudah dapat tetapi tidak sebanyak seperti yang mereka hendak. Sekarang, sudah puas hatilah.

Di Australia, antara isu yang dibangkit adalah kos ubat. Begitu juga dengan Peru dan Chile. Macam Vietnam, dua perkara iaitu buruh dan syarikat-syarikat kerajaan. Singapura tidak ada masalah besar kerana negara itu sudah terbuka.